



SURAT SETUJU TERIMA

MPC(PCT)400-10/3/3

20 April 2018

Cybicom (M) Sdn. Bhd. (1057254-V)
No. 444B, Jalan Susur Satu
Taman Seri Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
(U.P.: Puan Afzal Umi Ismail)

Tel: 017- 9424123
Faks: 03-8948 4519

[T/MPC/3/2018] TAWARAN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENYELENGGARA DAN MENTAULIAH 183 UNIT KOMPUTER RIBA DAN 2 UNIT WORKSTATION SECARA SEWAAN UNTUK TEMPOH 5 TAHUN KEPADA IBU PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC), PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada tawaran daripada pihak tuan untuk perkhidmatan di atas dan sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebut harga tersebut dengan harga keseluruhan sebanyak **RM2,370,658.20 termasuk 6% GST** dengan jadual pembayaran harga seperti berikut:

	Kuantiti (unit)	Harga per unit (RM)	Harga bayaran secara bulanan (RM)
Dell Latitude 5490	183	201.50	36,874.50
Dell Precision Tower 3620 (Workstation)	2	200.00	400.00
		Jumlah sebulan	37,274.50
		Jumlah setahun	447,294.00
		GST 6%	26,837.64
		Jumlah setahun dengan GST	474,131.64
		Jumlah besar (5 tahun dengan GST)	2,370,658.20

2. Dimaklumkan bahawa pihak puan perlu memastikan perkara-perkara berikut yang telah dipersetujui dengan syarat serta spesifikasi yang dikemukakan dalam tawaran sebut harga:

- i. Perkhidmatan yang ditawarkan untuk penyewaan 183 unit komputer riba dan 2 unit Workstation kepada MPC hendaklah disiapkan dalam tempoh **30 hari** daripada tarikh penerimaan surat ini;
- ii. **Tiada perubahan** model atau spesifikasi bagi perkakasan yang akan dibekalkan (sila rujuk lampiran dokumen teknikal);
- iii. Memberikan perkhidmatan yang berkesan dan;
- iv. Jaminan produk selama lima (5) tahun dan penyelenggaraan dua (2) kali setahun bagi tempoh kontrak

3. Pihak puan adalah dikehendaki untuk menandatangani dengan MPC, suatu Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans yang tak boleh batal daripada sebuah Bank/ Syarikat Kewangan/ Syarikat Insurans yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia dengan jumlah sebanyak **RM23,706.58 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Tiga Ribu Tujuh Ratus Enam dan Lima Puluh Lapan Sen Sahaja)** yang merupakan 5% dari jumlah sebut harga bagi setahun termasuk GST sebelum penghantaran dilakukan. Bon Pelaksanaan tersebut bermula dari tarikh 1 Jun 2018 sehingga 31 Mei 2024, Bon tersebut boleh dituntut kembali oleh pembekal selepas sah tempoh tamat kontrak.

4. Satu kontrak rasmi perlu disempurnakan oleh pihak puan dengan memasukkan terma-terma sebut harga. Tempoh perkhidmatan **adalah selama 60 bulan** tetapi tiada bekalan atau perkhidmatan dibawah kontrak ini boleh dimulakan sehingga pihak puan telah mematuhi peruntukan perkara 3 di atas. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak para 3 ini dalam tempoh yang dinyatakan, kecuali jika diabaikan dengan nyata oleh MPC, akan menyebabkan penerimaan ini terbatal dan selepas itu MPC tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pihak puan.

5. Bersama-sama surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak puan. Sila kembalikan dua (2) salinan termasuk salinan asal, yang telah ditandatangani oleh pihak puan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MOHD RAZALI BIN HUSSAIN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas salinannya yang mana telah disimpan.



Tandatangan Pembekal

Nama Penuh : AFZAL UMI BINTI ISMAIL
Alamat : NO 444B, JALAN SUSUR SATU,
TAMAN SRI SERDANG, 43300 SERI
KEMBANGAN, SELANGOR
Tarikh : 26/04/2018



Tandatangan Saksi

Nama Penuh : ATHIRA BT ABIDUL AZIZ
Alamat : NO 444B, JALAN SUSUR SATU,
TAMAN SRI SERDANG, 43300 SERI
KEMBANGAN, SELANGOR
Tarikh : 26/04/2018

Diberikan dengan sempurna untuk menandatangani untuk dan bagi pihak :



.....
Meterai atau Cop Kontraktor

Tarikh : 26/04/2018